

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF B. ABDUL RAHMAN
(KUALA KRAI)**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana masyarakat menerima kembali bekas banduan dan apakah perancangan Jabatan Penjara melalui program 'Pembebasan Banduan Secara Lesen' terutama ketika wabak COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhadapan dengan situasi stigma masyarakat terhadap bekas banduan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia telah berusaha melatih dan membina semula masa depan banduan agar mereka insaf, pulih, berkemahiran, mampu berdikari serta tidak mengulangi kesilapan setelah dibebaskan. Langkah ini adalah selaras dengan prinsip pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia sepertimana ketetapan Peraturan 3(1)(c) Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Di samping itu, Program Pembangunan Insan (PPI) iaitu modul pemulihan khusus yang telah dibina oleh Jabatan Penjara Malaysia turut menerapkan bidang kemahiran dalam fasa pemulihannya agar banduan yang terlibat menjadi sumber manusia yang produktif dan mampu menyumbang kembali kepada masyarakat.

Kementerian bersama Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah dalam memastikan masa depan banduan ini terjamin terutamanya apabila dibebaskan. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- i. Menggalakkan pembelajaran akademik kepada banduan untuk peringkat persekolahan dan pengajian tinggi. Pada masa ini, terdapat seramai **2,317** penghuni penjara mengikuti pembelajaran akademik dan **33** daripada mereka adalah di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah;
- ii. Latihan secara tidak bersijil dan bersijil di bengkel-bengkel perusahaan, akaun amanah dan usaha sama. Pada ketika ini, terdapat seramai **10,873** penghuni sedang mengikuti latihan kemahiran di 453 bengkel perusahaan, akaun amanah dan usaha sama. Semenjak tahun 2012 hingga September 2020, seramai **16,576** penghuni telah didaftarkan untuk mengikuti program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan seramai **12,710** penghuni telah berjaya menerima sijil kemahiran tersebut dengan kerjasama dari Kementerian Sumber Manusia;

SOALAN NO : 12

- iii. Latihan kemahiran secara bersijil juga ditawarkan kepada penghuni dalam bentuk latihan pekerjaan dengan beberapa syarikat swasta yang akan mengambil banduan berkenaan untuk bekerja setelah dibebaskan; dan
- iv. Latihan pekerjaan turut ditawarkan kepada banduan termasuk Orang Diparol (ODP) melalui Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI) dan *Corporate Smart Internship* dengan syarikat swasta dan Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan (*GLC*). Pada ketika ini, terdapat seramai **209** banduan yang sedang mengikuti Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI) dan seramai **988** Orang Diparol mengikuti Program *Corporate Smart Internship*. Banduan dan ODP boleh meneruskan pekerjaan berkenaan setelah mereka dibebaskan.

Usaha juga terus diperluaskan oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan pelbagai pihak agar peluang latihan dan pekerjaan dapat menjamin kesinambungan kehidupan yang lebih stabil, bebas dari jenayah serta tidak lagi mengulangi kesilapan lampau dan tidak masuk semula ke penjara.

Pihak penjara juga akan melepaskan sebilangan banduan yang menjalani hukuman singkat di bawah 1 tahun untuk menjalani hukuman di luar penjara melalui Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) sepertimana kuasa yang diberikan melalui Pindaan Peraturan 111(1), Peraturan-peraturan Penjara 2000 dan Seksyen 43, Akta Penjara 1995. Lembaga yang ditubuhkan bagi maksud PBSL tersebut telah bermesyuarat bagi memilih banduan yang layak dipertimbangkan. Diantara aspek utama yang dipertimbangkan oleh Lembaga PBSL adalah jaminan keluarga atau jaminan majikan. Berdasarkan penilaian dan pemilihan yang dibuat mendapati sebahagian besar dari banduan diterima semula oleh masyarakat.